

SIARAN AKHBAR
22 MEI 2012

EKUINAS KEMBANG PORTFOLIO PENDIDIKANNYA MENERUSI PELABURAN DI DALAM UNIVERSITI PENUH UMTECH

Fakta Utama: -

- Ekuinas membuat pelaburan ekuiti sehingga 90% di dalam Unitar Capital Sdn Bhd, pemilik dan pengendali University of Management and Technology (UMTECH), sebuah universiti penuh, menerusi pelaburan bersama dengan firma ekuiti persendirian milik Bumiputera, Shoraka Square Ltd (Shoraka) dan pelabur Bumiputera lain dengan jumlah pelaburan bernilai RM65 juta.
- UMTECH merupakan institusi pendidikan swasta yang pesat berkembang dan menawarkan program pengajian tinggi khusus dalam bidang pengurusan, pendidikan dan sains kemasyarakatan kepada lebih kurang 9,000 orang pelajar menerusi pengajian di kampus dan melalui pendidikan jarak jauh.
- Pelaburan di dalam UMTECH menyaksikan Ekuinas kini mengembangkan portfolio pendidikannya kepada tiga kumpulan pendidikan dengan hampir 30,000 pelajar kesemuanya dan menyediakan landasan kukuh untuk Ekuinas mewujudkan salah sebuah konglomerat pendidikan terbesar di Malaysia.

KUALA LUMPUR, (22 Mei 2012): Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas), syarikat pengurusan dana ekuiti persendirian berkaitan Kerajaan, dengan sukacita mengumumkan pelaburan di dalam University of Management and Technology (UMTECH), sebuah universiti penuh dan sekaligus memperluaskan portfolio pendidikannya yang sedang pesat berkembang.

UMTECH, yang dimiliki dan dikendalikan oleh Unitar Capital Sdn Bhd (UCSB), terdahulunya merupakan anak syarikat milik penuh Yayasan Pendidikan Tun Abdul Razak (Yayasan Pintar), ialah sebuah universiti swasta yang pada asalnya adalah sebahagian daripada Universiti Tun Abdul Razak (UNIRAZAK). UMTECH mempunyai lebih kurang 9,000 orang pelajar dan menawarkan program-

program di peringkat sijil, diploma, ijazah dan juga pasca-ijazah di kampus utamanya di Leisure Commerce Square, Petaling Jaya serta melalui program pendidikan jarak jauh menerusi kerjasama dengan lapan buah Pusat Pendidikan Wilayah Bebas di seluruh negara.

Selaras dengan strategi Yayasan Pintar untuk memberi tumpuan kepada UNIRAZAK, Ekuinas bersama dengan firma ekuiti persendirian milik Bumiputera, Shoraka Square Ltd, dan pelabur Bumiputera lain telah bersetuju untuk membuat pelaburan bernilai RM65 juta (termasuk suntikan modal kerja), untuk memiliki sehingga 100% ekuiti di dalam UCSB. Pelaburan bersama ini dilaksanakan menerusi sebuah syarikat pelaburan tujuan khas iaitu Nilam Suria Sdn Bhd di mana Ekuinas akan memiliki pegangan ekuiti efektif sehingga 90% di dalam UCSB pada nilai pelaburan sebanyak RM58.5 juta.

Pengerusi Ekuinas, Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad Raja Tun Uda berkata, "Pelaburan Ekuinas di dalam UMTECH memperluaskan lagi portfolio pendidikan Ekuinas. Bersama dengan institusi-institusi lain di bawah portfolio kami, Ekuinas kini berpotensi untuk mewujudkan salah satu daripada kumpulan pendidikan yang terbesar di dalam negara dengan rangkaian institusi-institusi pendidikan yang saling melengkapi."

"Kami gembira dengan pelaburan di dalam UMTECH kerana ia merupakan sebuah institusi yang telah berjaya membina reputasi kukuh terutama sekali dalam pasaran pengajian pendidikan, sains kemasyarakatan dan pengurusan perniagaan. Warga fakulti UMTECH yang berpengalaman luas serta memiliki kepakaran dalam pengajian pendidikan, khususnya pengajian awal kanak-kanak, memberikan UMTECH peluang yang baik untuk memenuhi seruan Kerajaan dalam meningkatkan bilangan para pendidik yang berkemahiran tinggi, sejajar dengan Program Transformasi Ekonomi (ETP) negara."

Semenjak di bawah UNIRAZAK lagi, UMTECH telah menunjukkan prestasi pertumbuhan yang mantap dengan peningkatan bilangan pelajar daripada 6,500 orang pada tahun 2008 kepada lebih kurang 9,000 orang pada tahun 2011. Lebih 60% daripada bilangan tersebut merupakan pelajar-pelajar yang mengikuti pengajian di Fakulti Pendidikan & Sains Kemasyarakatan. Syarikat telah mencatat hasil perolehan pro forma bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2011 sebanyak RM88.1 juta dan sehingga kini terus mencatatkan keuntungan.

Ketua Pegawai Eksekutif Ekuinas, Dato' Abdul Rahman Ahmad menjelaskan, "Kami gembira dengan pelaburan yang dibuat di dalam UMTECH kerana ia merupakan pelaburan pertama kami yang melibatkan sebuah institusi bertaraf universiti penuh. Kini dengan kehadiran UMTECH, portfolio pendidikan Ekuinas berkembang kepada enam buah institusi pendidikan kesemuanya dengan hampir 30,000 orang pelajar dan pendapatan bergabung bernilai hampir RM300 juta. Ini menyediakan landasan yang kukuh bagi Ekuinas untuk terus berusaha mewujudkan salah sebuah kumpulan pendidikan yang terbesar di dalam negara," tambah Dato' Abdul Rahman.

Portfolio pendidikan Ekuinas pada masa ini merangkumi institusi-institusi di bawah Kumpulan Pendidikan APIIT dan Kumpulan Cosmopoint yang dimiliki syarikat Bumiputera, Cosmopoint Sdn Bhd. Kumpulan Pendidikan APIIT terdiri daripada Asia Pacific Institute of Information Technology (APIIT), Asia Pacific University College of Technology & Innovation (UCTI) dan Sapura Smart School, manakala Kumpulan Cosmopoint terdiri daripada KL Metropolitan University College (KLMUC) dan Cosmopoint International College of Technology (CICT).

Dengan pelaburan terbaru ini, Ekuinas telah melabur sepenuhnya modal RM1 bilion yang diperuntukkan bagi Dana Pelaburan Langsung pertama iaitu Ekuinas Direct (Tranche 1) Fund. Dengan ini juga, jumlah komitmen pelaburan Ekuinas semenjak penubuhan sehingga kini mencecah hampir RM1.3 bilion dan bersama dengan modal rakan pelabur, Ekuinas telah menjana kemasukan modal ekonomi melebihi RM1.4 bilion secara langsung ke dalam ekonomi Malaysia.

- Tamat -

Mengenai Ekuinas

Ekuinas (Ekuiti Nasional Berhad) ialah syarikat pengurus dana ekuiti persendirian berkaitan kerajaan yang ditubuhkan pada 1 September 2009. Dengan bermodalkan dana peruntukan kerajaan bernilai RM5 bilion di bawah Rancangan Malaysia ke-9 dan Rancangan Malaysia ke-10, Ekuinas berhasrat menubuhkan syarikat-syarikat terkemuka generasi baru Malaysia di samping menggalakkan penglibatan golongan Bumiputera dalam bidang ekonomi secara saksama, berkesan dan berkekalan. Ekuinas kini telah membuat pelaburan di dalam syarikat-syarikat Malaysia berpotensi tinggi yang terlibat dalam sektor barangan pengguna laris, minyak dan gas, logistik, pendidikan dan peruncitan.

Mengenai UMTECH

University of Management and Technology (UMTECH) memiliki kelebihan yang mantap dari segi model akademik dan organisasi yang ternyata berbeza dengan universiti-universiti lain di Malaysia. Dengan tumpuan khusus kepada pendidikan pengurusan dan teknologi, UMTECH menawarkan kursus pengajian dalam pelbagai disiplin yang merangkumi Pentadbiran Perniagaan, Sains Sosial, Teknologi Maklumat, serta Pengurusan Hospitaliti dan Pelancongan. Semua program yang ditawarkan adalah berdasarkan keperluan industri dan juga trend profesional terkini bagi memenuhi keperluan serta aspirasi para pelajar. University of Management and Technology berazam untuk sentiasa berusaha mencapai kecemerlangan dan kini semakin dikenali sebagai institusi pengajian tinggi yang memainkan peranan penting di Malaysia dan juga di rantau ini. Untuk maklumat lanjut mengenai UMTECH, sila layari laman sesawang rasmi: www.umtech.edu.my.

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Adli Abdul Karim, Weber Shandwick, AAbdulKarim@webershandwick.com (03) 6209 5223

Anis Azharuddin, Weber Shandwick, AAzharuddin@webershandwick.com (03) 6209 5213